



MEI 16 - 31, 2020

PENANG
2030

BULETIN MUTIARA

PERCUMA

www.buletinmutiara.com[buletinmutiara | ChowKonYeow](#)[chowkonyeow](#)[@ChowKonYeow](#)

Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang 2.0: RM76 juta

Oleh: SUNARTI YUSOFF

GEORGE TOWN – Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengumumkan ‘Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang 2.0’ berjumlah RM76 juta bagi memperkuuhkan ekonomi negeri selepas pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Dengan pengumuman terbaru itu, ia menjadikan jumlah keseluruhan peruntukan bagi insentif bantuan COVID-19 yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang setakat ini adalah berjumlah RM151 juta.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa ‘pakej rangsangan ekonomi negeri’ kedua itu adalah bertujuan meletakkan wang ringgit ke tangan golongan paling terkesan, pasaran serta industri tersarar.

“Pakej bantuan ini diluluskan berpandukan tiga matlamat iaitu pertama, adalah untuk memberikan bantuan segera kepada golongan yang paling terkesan.

“Kedua, mengupayakan golongan pekerja untuk berdiri semula dan meneruskan usaha menjaga diri, keluarga serta membangunkan negeri melalui produktiviti.

“(Dan) ketiga adalah untuk membolehkan kelangsungan perniagaan di negeri Pulau Pinang bagi memastikan ekonomi negeri akan terus dibangunkan pasca PKP,” katanya ketika ucapan siaran langsung menerusi laman Facebook peribadi beliau di sini 6 Mei lalu.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menjelaskan bahawa melalui pakej tersebut, Kerajaan Negeri mengemukakan 20 insentif antaranya, memberikan rebat cukai taksiran selain bantuan wang tunai kepada pasukan barisan hadapan, nelayan, pengusaha taska, penjaja serta peniaga kecil.

20 insentif berkenaan adalah seperti berikut:

1. Rebab bagi cukai taksiran tahun 2020 bagi kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT).

2. Bantuan RM500 (*one-off*) kepada penjaja/penggerai yang bermiaga dalam kompleks makanan/kedai persendirian (*shoplot*) kepada 3,103 peniaga.

3. Bantuan RM500 (*one-off*) kepada penjaja/penggerai yang mempunyai *tagging* dan berdaftar dengan PBT melibatkan seramai 5,666 peniaga.

4. Bantuan RM300 (*one-off*) kepada kakitangan barisan hadapan (senarai tambahan) melibatkan 6,099 keanggotaan.

5. Bantuan RM300 (*one-off*) kepada ahli Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) dan Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) yang layak (barisan hadapan) membabitkan 6,050 ahli.

6. Bantuan RM500 (*one-off*) kepada pemandu bas/van persiaran, kereta sewa/limosin pelancongan seramai 321 individu.

7. Bantuan RM300 (*one-off*) kepada pengusaha lancang air (*watercraft operator*) dan aktiviti pantai di Batu Ferringhi membabitkan seramai 39 orang.

8. Peruntukan RM200,000 untuk pelaksanaan *Show Penang*, sebuah projek bagi membangunkan kandungan digital sektor seni, budaya dan warisan.

9. Bantuan RM500 (*one-off*) kepada pengusaha taska dan pusat jagaan kanak-kanak yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) serta tadika yang berdaftar dengan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang sebanyak 645 premis.

10. Peruntukan RM100,000 kepada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan individu yang membantu masyarakat Pulau Pinang menangani masalah keganasan rumah tangga.

11. Bantuan RM400 (*one-off*) kepada nelayan pesisir pantai (Zon A) membabitkan 5,814 orang.

12. Bantuan kotak insulasi bernilai RM180 kepada 250 nelayan darat/sungai.

13. Insentif makanan ternakan bagi peternak tradisional untuk komoditi unggas, ruminan dan khinzir yang bakal memanfaatkan 988 orang.

RM47.31 JUTA

REBAT CUKAI TAKSIRAN

RM500

PENJAJA PREMIS/TAGGING

RM400

NELAYAN PESISIR PANTAI

RM180

KOTAK INSULASI NELAYAN DARAT/SUNGAI

RM500

TASKA, PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK

RM100,000

NGO / INDIVIDU MENANGANI KEGANASAN RUMAH TANGGA

RM300

FRONTLINERS/ MPKK, JPWK YG BERTUGAS

RM5 JUTA

ZAKAT BANTUAN ZAKAT

RM200,147

BANTUAN PENTERNAK TRADISIONAL

RM500

PEMANDU KENDERAAN PELANCONGAN

RM300

PENGUSAHA WATERCRAFT & AKTIVITI PANTAI

RM200,000

KANDUNGAN DIGITAL SHOW PENANG

RM500 & DISKAUN SEWA

KONSESI PBBPP & PENGENDALI SERVIS JIP BUKIT BENDERA

RM10 JUTA

PINJAMAN TANPA FAEDAH SEKTOR PELANCONGAN

TIADA CAJ SEWA 2 BULAN

RUMAH SEWA KERAJAAN

DISKAUN SEWA

PREMIS PDC, CMI, SSI, KEDAI PERUMAHAN

14. Bantuan khas dari Zakat Pulau Pinang (ZPP) bernilai RM5 juta.

15. Pengecualian kadar sewaan dan pajakan bagi projek-projek Perbadanan Ketua Menteri (CMI) dan Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri (SSI) yang berkaitan bagi bulan April dan Mei melibatkan 33 pengusaha/syarikat.

16. Diskaun kadar sewa dan pengecualian sewa bagi syarikat/peniaga/penghuni di bawah pengurusan/kawasan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) melibatkan 387 syarikat/premis/penghuni.

17. Konsesi sewa kepada 24 lot komersial di bawah Perbadanan Bukit Bendera untuk setengah bulan pada bulan Januari serta Februari, dan sepenuhnya untuk bulan Mac,

April serta Mei 2020. Bayaran RM500 (*one-off*) seorang kepada 13 pengendali servis jip Bukit Bendera.

18. Pinjaman di bawah Skim PEKA (di bawah PDC) khusus untuk sektor pelancongan.

19. Pengecualian bayaran sewa bagi rumah sewa dan Program Perumahan Rakyat (PPR) di bawah Kerajaan Negeri bagi tempoh tambahan dua (2) bulan lagi kepada 2,911 unit.

20. Pengecualian bayaran sewa bagi unit kedai di bawah pengurusan Bahagian Perumahan Kerajaan Negeri untuk tempoh tambahan tiga bulan lagi melibatkan 122 unit.

(Sambungan di muka 6 & 7).

COVID-19, Hospital Seberang Jaya siap-siaga

Oleh : ZAINULFAQAR YAACOB
Gambar : AHMAD ADIL MUHAMAD

SEBERANG JAYA - Masuk hari ke-36 Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow yang juga Pengurus Jawatankuasa Khas Keselamatan Negeri (JKKN) Pulau Pinang mengadakan lawatan khas ke Hospital Seberang Jaya.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Norlela Ariffin diiringi Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP), Dr. Asmayani Khalid turut serta lawatan berkaitan.

Pengarah Hospital Seberang Jaya, Dr. Saiful Azlan Sharif yang memberikan taklimat ringkas mengenai tahap kesiapsiagaan Hospital Seberang Jaya bagi operasi penyaringan mereka yang berisiko dijangkiti COVID-19

Menurut Saiful Azlan, Hospital Seberang Jaya berada pada tahap kesiapsiagaan sebagai hospital berpusat bahagian Seberang Perai bagi membuat saringan terhadap mereka yang berisiko dijangkiti wabak COVID-19.

Tambah beliau, Hospital Bukit Mertajam, Hospital Kepala Batas dan Hospital Sungai Bakap akan memainkan peranan sebagai hospital sokongan kepada ‘hospital berpusat Seberang Perai’.



Pada majlis sama, Kon Yeow turut mendapatkan maklum balas lanjut berhubung tahap keselamatan serta kebajikan barisan hadapan dalam kalangan doktor dan jururawat di hospital berkenaan.

Selain itu, beliau turut mengadakan lawatan ke pusat saringan COVID-19 iaitu Wad 4 dan pusat saringan sementara yang berhampiran Bahagian Kecemasan di sini.

Sehingga tarikh lawatan berkaitan iaitu pada 22 April 2020, difahamkan, tiada pesakit positif COVID-19 menjalani proses saringan ataupun rawatan di hospital ini.

KETUA MENTERI, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri, Dr. Asmayani Khalid (bertudung perang) dan Dr. Saiful Azlan Sharif (depan, kanan sekali) pada sesi lawatan ke Hospital Seberang Jaya di sini baru-baru ini.

COVID-19 jejas ekonomi, Kerajaan Negeri prihatin

TELUK BAHANG - Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan meneliti bantuan lain yang boleh diberikan kelak akibat terjejasnya sektor ekonomi akibat penularan wabak pandemik COVID-19 yang membawa kepada pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Kenyataan tersebut dinyatakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow ketika menyampaikan sumbangan kepada 20 nelayan terpilih di Sungai Pinang dekat sini pada 23 April lalu.

“Oleh kerana COVID-19 adalah krisis kesihatan awam, kita dihadkan pergerakan, maka aktiviti-aktiviti ekonomi terjejas dan kesan yang paling nyata adalah pada aspek

ekonomi.

“Ramai yang terjejas daripada segi pendapatan, kita tidak dapat keluar mencari rezeki, kedai-kedai perlu tutup dan terjejas, termasuk kawan-kawan di Kuala Sungai Pinang ini.

Justeru, kita akan meneliti cara-cara bantuan seterusnya yang sedang kita (Kerajaan Negeri) kaji, dan bakal diumumkan sedikit masa lagi,” ujarnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan & Komunikasi pada majlis berkaitan. (Pengumuman Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang 2.0 meliputi bantuan insentif kepada nelayan Zon A dan sungai/darat).

Sumbangan berupa barang keperluan harian tersebut merupakan peruntukan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Teluk Bahang, Zolkify Md. Lazim yang turut serta dalam program berkaitan.

Turut hadir, Exco Pelancongan, Seni, Budaya dan Warisan, Yeoh Soon Hin; Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri, Teh Lai Heng dan Ketua Polis Daerah Barat Daya, Supritenden A.A. Anbalagan.

Tambah Kon Yeow, walaupun nelayan tidak dihalang ke laut, namun sektor perikanan turut terjejas daripada segi pemasaran.

“Walaupun kebenaran penangkapan (ikan) itu ada, tetapi pasaran (hasil laut) pun menjadi masalah.

“Oleh itu, Kerajaan Negeri bersama-sama Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) menyediakan platform perdagangan elektronik yang masih membentarkan penjualan hasil laut,” jelasnya yang juga ADUN Padang Kota.

Dalam perkembangan lain, Kon Yeow turut menyeru rakyat negeri ini agar jangan leka kerana perjuangan masih belum selesai sebab ‘musuh’ berkaitan adalah sesuatu yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar.

Oleh: AZMI HUSSIN



ZOLKIFLY Md. Lazim (bersongkok) mengiringi Ketua Menteri bagi meninjau jeti nelayan dekat Kuala Sungai Pinang pada sesi lawatan di sini baru-baru ini.



MBPP, MBSP sedia hadapi PKP

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
 Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

DATUK KERAMAT - Dua pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri ini telah dan sentiasa bersedia dalam menghadapi sebarang penguatkuasaan lanjut berhubung pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang kini memasuki fasa empat sebagaimana diumumkan Perdana Menteri pada 23 April sebelum ini.

Menurut Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo, cabaran utama bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) pastinya terarah kepada pematuhan PKP di lokasi-lokasi awam.

"Kita memang siap sedia dan sebagai makluman semua, kita telah capai satu kadar (pematuhan) yang begitu tinggi, mungkin

tertinggi di Malaysia iaitu lebih 99 peratus.

"Saya harap dalam tempoh lanjutan (fasa empat) PKP ini, kita akan terus mendapat kerjasama daripada orang awam. Ini kerana, tanpa kerjasama mereka, kita (PBT) tidak dapat capai satu kadar pematuhan begitu tinggi," ujarnya sambil mengiringi Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow mengendar pelitup muka percuma di Pasar Awam Jalan Kuantan dekat sini baru-baru ini.

Sejurus tamat program tersebut, Ketua Menteri bergerak ke Dewan Rukun Tetangga Jalan Maqbul, Sungai Pinang bagi menyampaikan 32 paket barang keperluan harian kepada penduduk terjejas akibat PKP.

Sejurus selesai, Kon Yeow menyatakan harapannya agar sektor ekonomi yang terjejas akibat wabak COVID-19 dan PKP akan pulih secara 'soft landing' sebagaimana saranan Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Seri Dr. Noor Hisham Abdullah.



KETUA MENTERI bersama-sama Lim Siew Khim (kiri sekali) dan R.S.N. Rayer (berkemeja jingga) menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penduduk pada majlis yang diadakan dekat Dewan Rukun Tetangga Jalan Maqbul, Sungai Pinang di sini baru-baru ini.

"Kerajaan Pusat juga akan umumkan kelonggaran sektor-sektor tertentu, yang membenarkan perniagaan diteruskan... kita masih menunggu keputusan itu, dan semalam (23 April 2020) telah diputuskan (di Pulau Pinang) bahawa kedai-kedai elektrik boleh beroperasi.

"Lain-lain sektor akan dibuka mengikut keadaan, kita harap dengan kelonggaran ini, seperti kata Ketua Pengarah Kesihatan, kita keluar dari pandemik ini secara 'soft landing', sedikit-sedikit kelonggaran dan akhirnya semua boleh beroperasi," jelasnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan

Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi.

Hadir sama, Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri, Teh Lai Heng; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim; Ahli Parlimen Jelutong, R.S.N. Rayer dan Pengerusi Rukun Tetangga Jalan Maqbul, Asrol Shah Nizam.

Tambah Kon Yeow, pencapaian Malaysia khususnya Pulau Pinang dilihat amat baik dalam melawan COVID-19 berbanding negara-negara lain.

"Teruskan usaha ini dah diharap kita bersama-sama putuskan rantaian perekalan wabak pandemik ini," serunya.

Komitmen pastikan syiar Islam terus dimartabat

PERMATANG BERANGAN - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menegaskan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan memastikan agar syiar Islam terus dimartabatkan di negeri ini.

Beliau berkata demikian semasa hadir menyampaikan bantuan bekalan makanan asas sempena bulan Ramadan dekat Madrasah Darul Muhibbin Padang Chempedak di sini pada 24 April lalu.

"Saya percaya bahawa masyarakat yang berpegang teguh pada agama serta berilmu akan menyumbang kepada kemakmuran dan kesejahteraan masyarakat sejagat," katanya sebelum menyampaikan sumbangan tersebut kepada pihak pengurusan madrasah berkenaan.

Hadir sama, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) Dato' Sr. Rozali Mohamud; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar merangkap Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri, Teh Lai Heng; Pegawai Daerah Seberang Perai Utara (SPU), Zulkifli Rashid; Pegawai Penerangan Bahagian Penerangan Kerajaan Negeri, Pejabat Ketua Menteri, Zahar Zainul serta barisan pimpinan masyarakat setempat.

Kon Yeow dalam pada itu turut memuji usaha dilaksanakan pengasas madrasah berkaitan, Abdul Wahab Husin yang berjaya mengekalkan konsep pengajian pondok secara tradisi sejak ia ditubuhkan sekitar tahun 1990.

"Meskipun sudah mencelah usia 30 tahun pada zaman serba moden ini, konsep sama masih dikekalkan dan menjadi panduan serta pegangan dalam mempelajari ilmu keagamaan."

"Ini merupakan satu pencapaian yang amat membanggakan bukan sahaja secara peribadi kepada Tuan Haji Abdul Wahab, malah juga kepada seluruh pentadbir madrasah ini."

"Justeru, adalah diharapkan seluruh pengurusan madrasah ini dapat terus melaksanakan amanah dan usaha murni meskipun menghadapi sedikit kekangan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini."

"Semoga kita sama-sama sabar dan kuat dalam mengharungi perang melawan COVID-19 demi kesejahteraan bersama," serunya.



KETUA MENTERI, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan Abdul Wahab Husin (kanan sekali) pada lawatan ke Madrasah Darul Muhibbin Padang Chempedak di sini baru-baru ini.

Terdahulu, Kon Yeow bersama-sama barisan tetamu jemputan yang hadir meluangkan masa kira-kira 20 minit melawat sekitar madrasah berkaitan.

Difahamkan, Madrasah Darul Muhibbin Padang Chempedak dibangunkan melalui konsep perkampungan ilmu atau sekolah pondok yang menempatkan warga emas, pasangan berkahwin dan individu bujang.

Antara fasiliti yang disediakan di madrasah berkaitan termasuk kelas untuk mempelajari ilmu agama, bilik penginapan, dewan serta sebuah masjid yang siap dibina sepenuhnya sejak tiga tahun lepas.

Kebersihan diri sebagai normal kehidupan baharu

GEORGE TOWN - Penularan wabak COVID-19 yang membawa kepada pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak 18 Mac lalu bakal mendidik rakyat di seluruh negara termasuk Pulau Pinang untuk mengubah tabiat dan menjadikan kebersihan diri sebagai normal kehidupan baharu.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, alatan seperti pelitup muka dan pensanitasi tangan akan menjadi antara barang keperluan rakyat selepas wabak COVID-19 pulih nanti.

"Pemakaian pelitup muka serta amalan mencuci tangan sudah menjadi kebiasaan kepada masyarakat kini, dan normal baharu ini akan menjadi kebiasaan dalam mendidik rakyat selepas tamatnya PKP serta COVID-19," ujarnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi.

Kon Yeow sebelum itu mewakili Kerajaan Negeri Pulau Pinang menerima sumbangan 3,000 pelitup muka daripada Penasihat Persatuan Dinamik Usahawan Pulau Pinang, Ooi Chao Syuhan.

Hadir sama, Pengurusnya, Tony Tan Kai Loon dan Mohd. Razim Idris (Setiausaha).

Difahamkan, persatuan berkenaan turut memperuntukkan sejumlah 20,000 keping pelitup muka disumbangkan kepada Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) di Pulau Pinang untuk edaran kepada umum.

‘Program Pengurangan Risiko Daerah COVID-19’ terus melindungi zon Hijau, lawan zon Kuning dan Merah

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF
Gambar : CHAN KOK KUAN

GEORGE TOWN – Negara memerlukan ‘Program Pengurangan Risiko Daerah COVID-19’ atau dikenali sebagai *District Risk Reduction Program (DRRP) Covid-19* untuk terus melindungi zon Hijau dan ‘melawan’ zon Kuning dan Merah sebagai persediaan keluar atau penarikan balik Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Perkara tersebut dinyatakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow ketika berkongsi beberapa intipati yang dibentangkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada Mesyuarat Keselamatan Negara (MKN) yang berlangsung di Putrajaya pada 28 April lalu.

Menurut Kon Yeow, berdasarkan analisis yang dilakukan pihak KKM, negara bersedia untuk meninggalkan PKP, walau bagaimanapun Malaysia memerlukan DRRP.

“Strategi ini menggariskan empat prinsip utama iaitu kawalan sempadan; kawalan pergerakan; penjarakan sosial dan keempat, perlindungan diri (PPE).

“Keempat-empat strategi ini akan disokong oleh tiga tulang belakang utama iaitu pertama, melindungi keluarga; melindungi komuniti dan ketiga melindungi daerah iaitu kebertanggungjawaban perlindungan pihak berkuasa tempatan (PBT),” ujarnya pada sesi siaran langsung menerusi *Facebook* peribadi beliau pada Hari Pertama Fasa Keempat PKP di sini 29 April lalu.

Sebagai rekod, KKM memaklumkan bahawa zon Hijau di seluruh negara secara umumnya telah meningkat kepada hampir 80 peratus daerah dengan beberapa negeri sudah diisyiharkan hijau sepenuhnya atau hanya berbaki beberapa kes dalam rawatan sahaja lagi.

Mengulas lanjut berhubung tiga strategi tulang belakang berkenaan, Kon Yeow menjelaskan bahawa ‘melindungi keluarga’ adalah seperti menjaga kebersihan diri; pematuhan PKP; memantau status kesihatan diri dan keluarga; amalkan pembelian serta pembayaran dalam talian dan pelbagai lagi sama seperti mana yang kita praktikkan kini.

“Manakala pendekatan ‘melindungi komuniti’ untuk terus kekal Hijau adalah:

- (i) Jawatankuasa penduduk sedia ada digerakkan sebagai penyelaras aktiviti pencegahan komuniti.
- (ii) Laporkan aktiviti berkumpulan kepada ketua komuniti/polis.
- (iii) Had dan rekodkan pergerakan keluar masuk pelawat/penduduk setempat.
- (iv) Amalkan kebersihan tangan dan penjarakan sosial.
- (v) Hebahan pendidikan kesihatan tentang langkah-langkah pencegahan COVID-19.
- (vi) Hebahan kepatuhan PKP.
- (vii) Motivasi supaya kekal hijau kepada komuniti (tiada kes).
- (viii) Laporkan sebarang kes COVID-19 yang disyaki kepada pihak berkuasa.

“Manakala, pendekatan ‘melindungi daerah’ untuk kekal Hijau pula adalah:

- (i) Diterajui oleh Majlis Tindakan Daerah/PBT.
- (ii) Fokus kepada kumpulan rentan (orang asli, warga emas), kumpulan berisiko menular jangkitan.
- (iii) Bekerjasama rapat dengan agensi seperti MPKK, Rukun Tetangga, COMBI, KOSPEN dan agensi bukan kerajaan (NGO).
- (iv) Penguatkuasaan kawalan sempadan daerah dan pantau kemasukan pelawat.
- (v) Jabatan Penerangan Daerah membantu dalam hebahan maklumat pendidikan kesihatan dan galakan kekal hijau.
- (vi) Motivasi dan insentif kepada komuniti yang komited mengekalkan lokaliti tetap hijau.

“Di Pulau Pinang, barisan Exco Kerajaan Negeri bersedia melakukan anjakan pemikiran bagi melaksanakan perubahan dasar mahupun program untuk berdepan situasi baru akibat wabak pandemik ini... dalam berdepan dengan krisis ini, kita memerlukan pendekatan keseluruhan Kerajaan ataupun *Whole-Of-Government Approach*,” ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong.



BARISAN Exco dan Ex-Officials pada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) baru-baru ini.

Sehingga 28 April 2020, kadar kepatuhan PKP negeri Pulau Pinang adalah sebanyak 97.88 peratus dengan 1,691 tangkapan membabitkan tiga fasa keseluruhannya.

Manakala, Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) melaporkan bahawa sehingga kini, tiada lagi kluster baru di negeri ini dan semua petugas barisan hadapan berada dalam keadaan sihat.

Barisan Exco Kerajaan Negeri bersedia melakukan anjakan pemikiran bagi melaksanakan perubahan dasar mahupun program untuk berdepan situasi baru akibat wabak pandemik ini.

Secara rumusannya, sehingga 28 April 2020, barisan Exco telah bertungkus-lumus dan komited dalam penyediaan pelbagai insentif serta platform bagi bersama-sama seluruh rakyat negeri ini menempuh fasa COVID-19, antaranya:-

Timbalan Ketua Menteri I merangkap Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Dato’ Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman bukan sahaja memastikan hal ehwal agama Islam seperti zakat diagihkan kepada golongan yang perlu, malah turut bekerjasama dengan Jabatan Mufti Pulau Pinang dalam menjayakan penerbitan video-video panduan beribadat kepada umat Islam di bulan Ramadan ini. Video-video ini boleh dicapai di laman web www.PenangLawanCovid19.com.

Timbalan Ketua Menteri II merangkap Pengurus Lembaga Wakaf Hindu Pulau Pinang, Prof. Dr. P. Ramasamy telah menggerakkan sumber Lembaga Wakaf Hindu bagi membantu komuniti India kurang mampu di Pulau Pinang yang secara langsung terkesan akibat PKP dan penularan wabak COVID-19.

Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng telah mengumumkan peruntukan RM100,000 kepada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan individu yang membantu masyarakat Pulau Pinang menangani masalah keganasan rumah tangga berdasarkan laporan yang menunjukkan peningkatan kes-kes berkaitan. Selain itu, pejabat beliau juga telah memulakan perbincangan dengan pemimpin-pemimpin agama bukan Islam untuk mengadaptasi amalan serta budaya masing-masing bagi berdepan situasi *next normal* yang bakal kita hadapi kelak.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh telah memimpin kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT) dengan mantap terutamanya dalam memastikan pematuhan PKP oleh premis-premis perniagaan dan kilang-kilang di negeri ini. Melalui usaha Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), kita juga rancak mendaftarkan penjaja serta peniaga kecil untuk menyertai ekonomi digital bagi membolehkan mereka terus menjalankan perniagaan sepanjang tempoh PKP.

Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh telah mengendalikan sistem pengagihan bekalan makanan berpusat dengan baik. Setakat ini kira-kira 20,000 kotak makanan Penang Lawan COVID-19 telah diagihkan menerusi wakil-wakil rakyat seluruh negeri Pulau Pinang. Pada masa sama, beliau juga bekerjasama

dengan Persatuan Tzu Chi bagi menempatkan semula para gelandangan di lokasi yang lebih selamat sepanjang tempoh PKP ini.

Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, Zairil Khir Johari telah memastikan sektor penting seperti pembekalan air dan kerja-kerja mitigasi seperti pemberian jalan, pengukuhan lereng bukit, kerja-kerja utiliti serta kemudahan awam yang penting masih diteruskan supaya kehidupan rakyat Pulau Pinang tidak terganggu walaupun dengan pelaksanaan PKP.

Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato’ Abdul Halim Hussain telah bekerjasama dengan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang ataupun PDC untuk memastikan skim pinjaman usahawan tanpa faedah yang berjumlah RM30 juta, iaitu Skim Peka PKS diuruskan dengan lancar. Setakat 21 April 2020 iaitu tarikh tutup permohonan, sebanyak 2,571 syarikat telah membuat permohonan dan kelulusan sebahagian permohonan yang telah diproses akan dibuat sebelum 30 April 2020. Selain itu, melalui kerjasama *Penang Halal International* anak syarikat PDC serta *FoodPanda*, pejabat Exco juga telah melancarkan platform eBazaar Ramadan secara *online* sepanjang bulan Ramadan bagi memastikan peniaga-peniaga berkennaan boleh terus menjana pendapatan masing-masing dalam tempoh ini. Pendekatan ini adalah inisiatif selain daripada pelancaran platform kedua-dua PBT iaitu Jom Beli Online MBPP dan ‘virtual market’ e-Bazar Ramadan MBSP.

Exco Pelancongan, Seni, Budaya dan Warisan, Yeoh Soon Hin telah mengumumkan RM200,000 untuk pelaksanaan *Show Penang*, sebuah projek bagi membangunkan kandungan digital (*digital content*) sektor seni, budaya dan warisan yang pertama dalam negara. Selain itu, satu sidang meja bulat maya juga telah dianjurkan pada 25 April 2020 dengan mengumpulkan pemegang taruh industri pelancongan negeri bagi mendapatkan maklum balas berkaitan isu-isu yang dihadapi mereka.

Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee telah menggalakkan orang ramai untuk terus mengamalkan gaya hidup bersukan di rumah sepanjang tempoh PKP ini. Beliau juga telah menganjurkan pertandingan *e-Sports* iaitu Liga Duduk Rumah yang telah berjaya menarik penglibatan 640 peserta bagi membolehkan penggemar sukan berkaitan mengasah bakat masing-masing. Serentak itu, Perbadanan Pembangunan Belia Negeri Pulau Pinang (PYDC) dan Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) turut menganjurkan siaran video wawancara serta sesi perkongsian oleh pemimpin belia dan barisan atlet negeri kita dari masa ke masa.

Exco Pertanian, Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, walaupun masih baru dalam penjawatan, Dr. Norlela Ariffin tidak pernah leka untuk mengambil maklum tentang keperluan kelengkapan barisan kesihatan kita dalam melawan wabak ini. Badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan komuniti kampung berganding bahu dalam penghasilan jubah-jubah yang diperlukan untuk kegunaan pihak hospital serta klinik-klinik. Malah, beliau turut mengumpulkan hasil tani para petani di negeri ini untuk disumbangkan kepada kakitangan barisan hadapan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Pantau asrama pekerja, harap tiada kluster buruh asing positif

Oleh : ZAINULFAQAR YAACOB
Gambar : AHMAD ADIL MUHAMAD

BUKIT TENGAH - Masuk hari ke-40 pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Chow Kon Yeow menjalankan pemantauan keadaan asrama pekerja *Westlite Accommodation* dekat Bukit Minyak di sini.

Bercakap kepada pemberita selepas itu, beliau berharap tiada kluster baharu dalam kalangan buruh asing yang menghuni asrama pekerja di sini, didapati positif COVID-19.

"Kita (Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang) buat lawatan (ke asrama pekerja *Westlite Accommodation*) kerana prihatin terhadap COVID-19.

"Dengan kedekatan penghuni (asrama) sedemikian, kita (Kerajaan Negeri) tidak mahu keadaan seperti di Singapura (dengan peningkatan kes positif COVID-19 melibatkan buruh asing) berlaku di negeri kita.

"Kita berharap tiada kluster dalam kalangan pekerja asing, baik yang menghuni di asrama ini ataupun di tempat kerja (kilang).

"Saya percaya MBSP (Majlis Bandaraya Seberang Perai) pun akan memantau pelaksanaan amalan jarak sosial ketika PKP, pegawai-pegawaiannya akan melawat tempat penginapan para pekerja asing ini," jelasnya yang juga Pengerusi Jawatankuasa Khas Keselamatan Negeri (JKKN) Pulau Pinang bersempena lawatan beliau di sini pada 26 April 2020.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng yang juga Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tengah, Gooi Hsiao-Leung; ADUN Bukit Tambun, Goh Choon Aik dan Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kashthiriraani turut serta lawatan ringkas tersebut.



KETUA MENTERI bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri bergambar berlatarbelakangkan asrama pekerja *Westlite Accommodation* pada lawatan khas di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Datuk Bandar MBSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud; Pemangku Ketua Polis Daerah Seberang Perai Selatan (SPS), Deputi Supritendan Baeyah Abdul Wahab dan Ketua Polis Balai Simpang Empat, K.P. Surestaran.

Selain itu, Kon Yeow turut menyeru kepada para penggerak industri supaya saling bertanggungjawab dalam memastikan kebijakan serta keselamatan para pekerja termasuk buruh asing di kilang masing-masing senantiasa patuh pada PKP, dan bebas daripada ancaman COVID-19.

Sebelum itu, Pengurus Perniagaan, Tony Teh memberitahu bahawa asrama pekerja *Westlite Accommodation* diuruskan oleh syarikat swasta iaitu *Westlite Dormitory* (Bukit Minyak) Sdn. Bhd..

Tambah beliau, asrama buruh itu terdiri daripada 369 unit asrama, dengan setiap satu unit boleh dihuni antara 12 hingga 16

orang.

Mula dibuka pada tahun lepas, Tony menyatakan bahawa sehingga kini, 120 unit asrama telahpun dihuni oleh pekerja asing sahaja.

Menjawab soalan pemberita selepas itu, Tony berkata bahawa sepanjang tempoh pelaksanaan PKP, tiap-tiap buruh asing yang masuk dan keluar dari asrama pekerja *Westlite Accommodation* akan diperiksa suhu badan mereka supaya bebas daripada tanda-tanda awal COVID-19.

"Kalau suhu badan adalah normal, baru dibenarkan bergerak ikut PKP, kalau suhu badan tidak normal, mereka terus akan ditempatkan di unit isolasi yang disediakan di sini, untuk tindakan selanjutnya (seperti) pasukan kita akan segera mendapatkan konsultasi doktor.

"Jadi, secara umum, semua perkara (berkaitan PKP) di sini adalah masih dalam kawalan lagi," ulasnya.

Lawan COVID-19 cermin peri penting kebersamaan

PADANG KOTA - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow yang juga Ahli Parlimen Tanjung mengagihkan 13 lagi paket barang makanan keperluan asas kepada penerima terpilih dalam senarai sedia ada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) negeri dan skim bantuan Agenda Ekonomi Saksama (AES) di Jalan Buckingham dekat sini.

Menurut Dr. Tan Kim Hooi iaitu Setiausaha Politik kepada Ahli Parlimen Tanjung berkenaan, sehingga kini, sebanyak 1,650 paket barang makanan telah diagihkan kepada penduduk tempatan yang layak dalam Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Padang Kota.

"Sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota, di kawasan ini juga, Y.A.B. Chow (Kon Yeow) mengagihkan paket ini secara berperingkat,

boleh dikatakan tiap-tiap minggu.

"Program seterusnya adalah pada minggu hadapan, di rumah pangsa Jalan Kedah, melibatkan 300 paket lagi kepada insan terpilih di sana nanti," jelasnya di majlis yang dilangsungkan berhampiran Masjid Kapitan Keling pada 3 Mei lalu.

Turut serta, beberapa kakitangan Pusat Khidmat Rakyat ADUN Padang Kota dan Ahli Parlimen Tanjung serta beberapa anggota Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Lebuh Chulia.

Mengulas lanjut, Kim Hooi memberitahu bahawa 1,650 paket yang telah diagihkan sebelum ini adalah meliputi penduduk terpilih di Little India, Lebuh Chulia dan Lebuh Ah Quee.

Tambah beliau, sila hubungi nombor telefon 012-4837855 sekiranya tercincir daripada senarai penerima bantuan sedia ada, ketika fasa empat Perintah Kawalan

Pergerakan (PKP 4) kini.

Bercakap pada majlis sama, Presiden Gabungan Persatuan India Muslim Pulau Pinang (GAPIEM), Dr. Ameenul Hussaini Abdul Kader memuji program-program kebijakan yang dilaksanakan oleh pentadbiran Kon Yeow ketika tempoh PKP ini.

"Ketika krisis melawan COVID-19 ini, kita dapat melihat peri penting kebersamaan.

"Kita perlu bergerak atas semangat persaudaraan sesama manusia dan saling membantu," ujarnya.

Pada majlis sama, Ameenul Hussaini turut mengiringi Kon Yeow mengagihkan pelitup muka kepada penduduk setempat, sebagai kempen bersama-sama demi memutuskan semua rantaian perebakan wabak COVID-19 secepat mungkin di negeri ini.

Sambut baik sasaran pemeriksaan di asrama pekerja asing

TANJUNG BUNGA - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow akan menyokong segala usaha daripada Kerajaan Persekutuan dalam usaha menangani wabak COVID-19 secara menyeluruh.

Terbaru, beliau menyambut baik sasaran Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) untuk melakukan pemeriksaan (COVID-19) di asrama warga asing.

"Ini merupakan kumpulan sasaran baharu, saya berharap pemeriksaan ini mampu capai seramai mungkin. Sebagai Kerajaan Negeri, kita akan sokong, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) juga akan sokong.

"Kita akan teruskan pematuhan yang dibuat oleh JKNPP dan KKM (Kementerian Kesihatan Malaysia), kita akan ketatkan penguatkuasaan daripada pihak Persekutuan dan tidak akan sesekali melonggarkannya, itu adalah prinsip.

"Manakala, berkenaan isu ekonomi, kita harap Kerajaan Pusat akan dahului, di pihak Kerajaan Negeri pula, kita turut memikirkan tentang fasa pelan pemulihan," ujarnya kepada Buletin Mutiara pada lawatan khas ke Pasar Awam Tanjung Bunga di sini 24 April lalu.

Hadir sama, Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bunga, Zairil Khir Johari.

Kon Yeow dalam pada itu turut mengulas mengenai prestasi baik Pulau Pinang dengan tidak merekodkan sebarang kes jangkitan COVID-19 selama sembilan hari (sehingga 23 April 2020) berturut-turut.

Menurut beliau, 'pencapaian' tersebut menunjukkan disiplin rakyat dalam mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Pematuhan PKP di Pulau Pinang adalah melebihi 99 peratus sehingga hampir tamat fasa ketiga kini.

"Ini menunjukkan orang ramai mematuhi jarak sosial serta memberi kerjasama kepada pihak berkuasa kerana kita semua mengetahui bahawa ini merupakan langkah yang perlu dalam mencapai kemenangan menentang ancaman COVID-19 secepat mungkin.

"Melawan COVID-19 belum tamat selagi mana ia belum diisyiharkan tamat, saya turut menyambut baik penyambungan PKP dalam tempoh dua minggu (29 April hingga 12 Mei) lagi sebagaimana diumumkan Perdana Menteri pada 23 April lalu.

"Malah, Ketua Pengarah Kesihatan juga gembira dengan pencapaian negeri di Semenanjung Utara, dan saya harap kita (Pulau Pinang) teruskan pencapaian baik semasa PKP keempat iaitu capai objektif, hentikan penyebaran serta putuskan rantaian COVID-19," serunya yang juga Ahli Parlimen Tanjong.

Selepas lawatan di Tanjung Bunga, Kon Yeow meneruskan ziarah ke Pasar Awam Pulau Tikus dengan mengedarkan pelitup muka bersama-sama ADUN Pulau Tikus, Chris Lee Chun Kit dan Setiausaha Bandaraya bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ir. Addnan Mohd. Razali.

Beliau kemudian menyantuni 80 isi rumah dengan penyampaian sumbangan barang keperluan di Kampung Sirih, Lengkok Burma.

Dalam pada itu, Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Midland, Tan Ching Hong ketika ditemui menyatakan bahawa usaha tersebut adalah bagi membantu penduduk kampung yang terkesan dalam tempoh PKP.

"Saya berterima kasih kepada mereka yang menaja barang seperti sayur dan sebagainya, diharapkan lebih banyak pihak dapat tampil dalam meringankan beban rakyat yang terkesan," ulasnya.

PAKEJ BANTUAN RAKYAT PULAU PINANG 2.0



MBPP

MBSP

REBAT CUKAI TAKSIRAN TAHUN 2020

MBPP dan MBSP
609,340 unit

Jumlah keseluruhan
RM47.3 Juta



BANTUAN One-off **RM500**

kepada peniaga dan penjaja berlesen merangkumi penjaja/penggerai yang berniaga dalam kompleks makanan/gerai persendirian (*shoplot*)

Jumlah penerima: **3,103**
Peruntukan Kerajaan Negeri: **RM1.55 Juta**



BANTUAN One-off **RM500**

kepada penjaja/penggerai tagging oleh MBPP atau MBSP

Jumlah penerima: **5,666**
Peruntukan Kerajaan Negeri: **RM2.83 Juta**



INSENTIF KHAS **RM300**

kepada kakitangan barisan hadapan (senarai tambahan)

PDRM, Angkatan Tentera Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam, RELA, Veteran Askar Wataniah, Jabatan Bomba & Penyelamat di Pulau Pinang

Jumlah penerima: **6,099**
Peruntukan Kerajaan Negeri: **RM1.83 Juta**



INSENTIF KHAS **RM300**

kepada ahli MPKK dan JPWK yang bertugas (barisan hadapan)

Jumlah ahli: **6,050**
Peruntukan Kerajaan Negeri: **RM1.8 Juta**



BANTUAN One-off **RM500**

kepada pemandu bas/van persiaran, kereta sewa/limosin pelancongan

Jumlah penerima: **321 individu**
Peruntukan Kerajaan Negeri: **RM160,500**



BANTUAN One-off **RM300**

kepada pengusaha lancang air (watercraft operator) dan aktiviti pantai di Batu Ferringhi

Jumlah penerima: **39 individu**
Peruntukan Kerajaan Negeri: **RM11,700**



PERUNTUKAN KHAS **RM200,000**

kepada inisiatif *Show Penang* bagi membangunkan kandungan digital sektor seni, budaya dan warisan



BANTUAN One-off **RM500**


kepada pengusaha taska dan pusat jagaan kanak-kanak yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan tadika yang berdaftar dengan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang

Jumlah penerima: **645 buah**
Peruntukan Kerajaan Negeri: **RM322,500**



PERUNTUKAN KHAS RM100,000

kepada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan individu yang membantu masyarakat Pulau Pinang menangani masalah keganasan rumah tangga



PERUNTUKAN KHAS RM200,147

bagi membantu penernak tradisional untuk komoditi unggas, ruminan dan khinzir

Jumlah penerima: 988

BANTUAN One-off RM400

kepada Nelayan Pesisir Pantai (Zon A)

Jumlah penerima: 5,814
Peruntukan Kerajaan Negeri: RM2.32 Juta

BANTUAN KOTAK INSULASI RM180

kepada 250 nelayan darat/sungai

Peruntukan Kerajaan Negeri: RM45,000



BANTUAN ZAKAT RM5 Juta



PENGECUALIAN KADAR SEWAAN DAN PAJAKAN

bagi projek-projek CMI dan SSI yang berkaitan bagi bulan April dan Mei 2020

Jumlah terlibat: 33 pengusaha/ syarikat
Peruntukan Kerajaan Negeri: RM271,926

DISKAUN DAN PENGECUALIAN KADAR SEWAAN

bagi premis-premis tertentu milik PDC

(Bulan April, Mei, Jun 2020)

Jumlah terlibat: 387 syarikat/premis/penghuni
Peruntukan Kerajaan Negeri: RM1.03 Juta



BUKIT BENDERA

Konsesi sewa kepada 24 lot komersial Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang untuk setengah bulan pada Januari dan Februari 2020 dan sepenuhnya untuk Mac, April dan Mei 2020

& Bantuan One-off RM500

kepada 13 pengendali servis jip

Peruntukan Kerajaan Negeri:
RM448,253



PINJAMAN TANPA FAEDAH UNTUK SEKTOR PELANCONGAN

Peruntukan Kerajaan Negeri:

RM10 Juta



PENGECUALIAN SEWA BULANAN

Rumah Sewa Kerajaan Negeri (RSKN) dan Program Perumahan Rakyat (PPR) kelolaan Kerajaan Negeri

*Untuk bulan Jun dan Julai 2020

Jumlah penerima: 2,911 unit
Peruntukan Kerajaan Negeri: RM516,000



PENGECUALIAN BAYARAN SEWA

bagi unit kedai di bawah pengurusan Bahagian Perumahan Kerajaan Negeri

*Untuk bulan Mei, Jun dan Julai 2020


Jumlah penerima: 122 unit
Peruntukan Kerajaan Negeri: RM76,741

Pasar Awam Juru terima penghargaan

Gambar : DARWINA MOHD. DAUD

BUKIT TENGAH - Sejak Perintah Kawalan Pergerakan dikuatkuasakan pada 18 Mac 2020, Pasar Awam Juru dikenal pasti sebagai pasar awam pertama di negeri ini yang melaksanakan amalan penjarakan sosial, disinfeksi atau kerja-kerja pembasmian kuman pada premis, sanitasi tangan, pemakaian pelitup muka serta langkah-langkah pencegahan lain demi memutuskan semua rantaian perebakan wabak COVID-19.

Justeru, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menyempurnakan majlis penyampaian sijil penghargaan kepada pihak Majlis Pengurusan Komuniti Kampung



PEMERIKSAAN suhu yang dijalankan oleh MPKK terhadap salah seorang pengunjung.

(MPKK) Perkampungan Juru atas kejayaan serta inisiatif penganguran amalan-amalan kebersihan di pasar awam tersebut.

"Pasar awam ini dilaporkan sebagai pasar yang pertama mengamalkan penjarakan sosial.

"Sebagai contoh yang terbaik (adalah) penglibatan komuniti dalam menjayakan amalan jarak sosial serta pembersihan peribadi semasa pelaksanaan PKP ini.

"Sempena lawatan ini, kita (Kerajaan Negeri) memberikan sijil penghargaan kepada MPKK Perkampungan Juru sebagai tanda menghargai kerjasama komuniti khususnya kepimpinan MPKK dan wakil rakyat bagi menjayakan amalan jarak sosial serta lain-lain," jelas Kon Yeow pada sesi lawatan Pasar Awam Perkampungan Juru di sini 3 Mei 2020.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tengah, Gooi Hsiao-Leung; Ahli Parlimen Batu Kawalan, P. Kasthuriraani dan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Sri Rozali Mohamud antara pemimpin Kerajaan Negeri yang menyertai lawatan khas tersebut.

Bercakap kepada pemberita selepas itu, Kon Yeow menyatakan bahawa pihaknya telah mengarahkan Rozali dan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau



KEADAAN Pasar Awam Juru yang dikenal pasti sebagai pasar awam pertama di negeri ini yang melaksanakan SOP pencegahan perebakan wabak COVID-19.

GOOI Hsiao-Leung.

Pinang (MBPP), Dato' Ar. Yew Tung Seang supaya meneruskan usaha pemantauan dan penguatkuasaan pada tahap sedia ada, walaupun selepas pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) kelak.

"Saya sudah mengarahkan kepada kedua-

dua Datuk Bandar untuk melihat daripada segi pengerahan pegawai-pegawai penguatkuasaan pihak berkuasa tempatan (PBT) ke kawasan-kawasan penjagaan di bawah PBT, supaya apa (SOP) yang telahpun ditetapkan sepanjang PKP ini dapat diteruskan," tegasnya.

Tambah Kon Yeow, PKPB yang dilaksanakan, pada bila-bila masa akan ditarik kembali sekiranya didapati menjelaskan tujuan asal pelaksanaan perintah itu kelak memutuskan semua rantaian perebakan wabak COVID-19.

Pengecualian bayaran sewa sehingga Julai, 3,033 penyewa terima manfaat

Oleh : AINUW ARDHA SOHILLI

DATUK KERAMAT - Seramai 3,033 individu menikmati manfaat daripada pengecualian sewa bulanan skim perumahan negeri sehingga Julai 2020 di bawah Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang 2.0 yang diumumkan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow pada 6 Mei lalu.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata bahawa melalui pakej tersebut, Kerajaan Negeri telah memberi pengecualian bayaran sewa dengan tempoh tambahan selama dua bulan bagi skim Rumah Sewa Kerajaan Negeri (RSKN) dan Program Perumahan Rakyat (PPR).

"Sebelum ini, melalui Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang 1.0, seramai 3,574 penyewa di RSKN dan PPR menerima manfaat pengecualian bayaran sewa selama dua bulan dengan implikasi kewangan sebanyak RM688,133.

"(Dan) melalui pakej kedua (Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang 2.0), seramai 3,033 penyewa menikmati manfaat ini menjadikan jumlah keseluruhan pengecualian bayaran sewa bagi kedua-dua skim perumahan negeri sebanyak RM1.3 juta, dan jumlah ini ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang," ujarnya yang bersiaran langsung sejurus mengadakan tinjauan ke skim perumahan awam Taman Free School di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Perumahan) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, 'AINUL FADHILAH SAMSIDI; Ketua Penolong Setiausaha (Seksyen Dasar dan Pembangunan) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Fakhurrazi Ibnu Omar serta wakil-wakil daripada Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) setempat.

Mengulas lanjut, Jagdeep yang juga Ahli Dewan Undangan



JAGDEEP Singh Deo.

Negeri (ADUN) Datuk Keramat memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri sentiasa peka dan prihatin akan kebijakan rakyat Pulau Pinang yang terjejas akibat penularan wabak pandemik COVID-19.

"Semasa pakej pertama diumumkan, Kerajaan Negeri mengambil maklum keluhan rakyat.

"Maka, pakej kedua diumumkan baru-baru ini dengan jumlah RM76 juta dan ini menjadikan jumlah keseluruhan bagi kedua-dua pakej adalah sebanyak RM151 juta," katanya.

Dalam siaran langsung itu juga, Jagdeep sempat menzahirkan penghargaan kepada pekerja kebersihan yang

sentiasa bertungkus-lumus memastikan tahap kebersihan dan keselamatan penduduk di kawasan perumahan awam Taman Free School dekat sini terpelihara.

"Setinggi-tinggi penghargaan kepada semua wira di Bahagian Perumahan Kerajaan Negeri kerana terus memastikan keselamatan awam, kesihatan dan kebersihan di skim-skim perumahan awam negeri terpelihara," zahirnya.

Dalam majlis berbeza, Jagdeep hadir ke Wadda Gurdwara Sahib, Jalan Gurdwara bagi memberi penghargaan kepada komuniti Sikh di Pulau Pinang yang berusaha membantu golongan yang memerlukan terutamanya ketika waktu sukar ini.

"Saya dimaklumkan bahawa pihak Wadda Gurdwara Sahib di sini telah membantu seramai 359 keluarga yang terdiri daripada pelbagai kaum.

"Selain itu, mereka turut membantu Jawatankuasa Pemuliharan Dadah Timur Laut dan Community AIDS Pulau Pinang dalam bentuk penyediaan makanan untuk sarapan pagi, makan tengah hari dan makan malam.

"Pihak Wadda Gurdwara Sahib juga membekalkan air mineral, roti dan biskut kepada gelandangan yang ditempatkan di beberapa lokasi, rumah kanak-kanak dan warga emas serta mereka yang memerlukan makanan.

"Malah, sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 18 Mac lalu, pihak Wadda Gurdwara Sahib telah mengagihkan sebanyak 7,450 pak makanan 'vegetarian', jelasnya yang berharap usaha mulia ini dapat diteruskan pada masa hadapan.

Terdahulu, Jagdeep mengumumkan sumbangan berjumlah RM15,000 daripada syarikat swasta dan Persatuan Sikh Pulau Pinang untuk meneruskan pemberian sumbangan makanan kepada yang memerlukan.

COVID-19, pengeluaran alat pensanitasi tangan meningkat

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
 Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

BUKIT TENGAH - Memasuki hari ke-40 Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 26 April 2020, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkesempatan melawat ke kilang pengeluar produk kecantikan dan penjagaan diri, Sky Resources Sdn. Bhd. di sini.

Lawatan berkenaan adalah untuk melihat perjalanan operasi kilang berkaitan yang tersenara di dalam kategori perkhidmatan 'essential' dan dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh PKP.

Pada ketibaannya, beliau terlebih dahulu menjalani pemeriksaan suhu badan di pintu masuk sebelum dibawa ke makmal bagi meneliti proses penghasilan produk pensanitasi tangan.

Mengakhiri lawatan selama satu jam itu, Kon Yeow dibawa ke bilik mesyuarat untuk taklimat ringkas khususnya berkaitan perjalanan operasi Sky Resources Sdn. Bhd. dalam tempoh PKP oleh Pengarah Eksekutifnya, William Tan.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tengah, Gooi Hsiao-Leung; ADUN Bukit Tambun, Goh Choon Aik; ADUN Komtar merangkap Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri, Teh Lai Heng; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud; Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kashthiraaani serta Presiden FFM Pulau Pinang, Datuk Ooi Eng Hock.

Dalam pada itu, bercakap kepada Buletin Mutiara, William memberitahu bahawa permintaan terhadap peralatan pensanitasi tangan meningkat berlipat kali ganda sejak penularan wabak COVID-19 khasnya selepas PKP mula dikuat kuasakan.

Beliau berkata, pihaknya kini mengeluarkan kira-kira 300,000 unit produk pensanitasi tangan dalam tempoh sebulan berbanding



DUA kakitangan sedang menjalankan uji kaji terhadap produk-produk keluaran syarikat Sky Resources Sdn. Bhd. pada sesi lawatan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri baru-baru ini.

10,000 unit pada waktu biasa.

"Sebelum ini, kami lebih tertumpu kepada pengeluaran produk kecantikan wanita serta makanan kesihatan dan pensanitasi tangan hanya produk sampingan."

"Sejak dua bulan lalu, kami mula memfokuskan pengeluaran produk pensanitasi tangan setelah mendapat harga barang ini meningkat mendadak akibat penularan COVID-19 yang dilihat membebankan pengguna."

"Kami juga mula menjalankan penyelidikan sebelum PKP bermula bagi memastikan produk pensanitasi tangan yang dihasilkan adalah memenuhi piawaian ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), dan yang paling penting adalah mampu mencegah jangkitan COVID-19," ujarnya.

Difahamkan, Sky Resources Sdn. Bhd. hanya membenarkan 50 peratus daripada jumlah kakitangan bekerja sepanjang tempoh PKP dengan pelaksanaan langkah keselamatan yang ketat seperti penyaringan suhu badan, mewajibkan penggunaan pelitup muka dan pensanitasi tangan serta mengamalkan jarak sosial selamat di setiap ruangan.

Tiada COVID-19, masyarakat perlu main peranan

TANJUNG BUNGA - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow mahu semua lapisan masyarakat memainkan peranan penting agar tiada lagi kes COVID-19 di Pulau Pinang.

Beliau berkata demikian pada lawatan meninjau tatacara menerima pelawat di kediaman strata I-Santorini, Tanjung Tokong dekat sini 6 Mei lalu.

"Di Pulau Pinang, kita ada lebih 1,300 projek strata yang mana setiap syarikat pengurusan perlu bertanggungjawab memastikan protokol (pemeriksaan saringan kesihatan) dapat disediakan dan ada kakitangan yang dikhuluskan untuk memantau."

"Diharapkan penduduk-penduduk dapat mematuhi SOP (piawaian operasi standard) dalam memastikan kita dapat mengelak perebakan virus melalui individu kepada individu lain."

"Pulau Pinang telah menjadi zon Hijau, oleh itu, Kerajaan Negeri memerlukan masyarakat umum memainkan peranan masing-masing bagi memastikan kes-kes COVID-19 tidak lagi berlaku di negeri ini," ujarnya pada sesi lawatan berkenaan.

Hadir sama, Ahli Parlimen Bukit Bendera, Wong Hon Wai; Pengerusi Eksekutif Ideal United Bintang International Berhad, Tan Sri Alex Ooi Kee Liang; Pengarah Eksekutif Ideal United Bintang International Berhad, Puan Sri Joanne Phor Li Wei dan Ketua Pegawai Operasi Ideal Property Group, Datuk Goh Teng Whoo.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menyeru kepada semua syarikat pengurusan projek-projek perumahan strata supaya mengambil langkah-langkah wajib meliputi saringan kesihatan serta pensanitasi.

Dalam pada itu, beliau berpuas hati dengan pengurusan I-Santorini yang menguruskan rekod keluar masuk, pensanitasi dan penjarakan sosial yang diamalkan.

"Sebagai tempat awam baharu yang ada pergerakan keluar serta masuk, maka tatacara merekodkan pelawat adalah penting."

"Pengurusan telah mengambil langkah-langkah yang perlu supaya menjaga keselamatan penduduk-penduduk di sini," ulasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota.

Hari Pekerja, Exco rakam penghargaan kepada barisan hadapan

GEORGE TOWN - Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang dalam tempoh pelaksanaan fasa empat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP 4) meraikan Hari Pekerja 1 Mei dalam normal baru, seperti sesi pertemuan ringkas dengan amalan jarak sosial 1 meter (m) antara satu sama lain di perkarian Padang Kota Lama.

Ketika berucap, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo menyifatkan barisan hadapan termasuk 1,900 tenaga buruh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan 3,091 pekerja Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) sebagai antara wira yang tidak didendang, di sebalik kerja-kerja menghapuskan semua rantaian perebakan wabak COVID-19 kini.

Menurut beliau, tidak dilupakan juga 12,988 pakar, doktor dan jururawat yang bertugas di bawah Jabatan Kesihatan Negeri (JKN); Polis Diraja Malaysia (PDRM) Pulau Pinang dengan kekuatan kira-kira 5,000 anggota, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) serta beberapa lagi pihak yang berada dalam barisan hadapan di peringkat negeri ini.

"Mereka (barisan hadapan) ini adalah wira dan wirawati kita, wira yang tidak didendang untuk memerangi COVID-19."

"Saya gembira kerana dapat berada di sini untuk memberi penghargaan setinggi-tingginya kepada mereka (barisan hadapan)," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat dalam Majlis Sumbangan Hari Pekerja 2020 Kepada Wira Hadapan di sini pada 1 Mei 2020.

Turut berucap, Datuk Bandar MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang dan Datuk Bandar MBSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Joseph Ng Soon Siang dan Timbalan Ketua Polis Daerah (II) Timur Laut, Superintendent V. Saravanan turut serta dalam sesi pertemuan tersebut.

Menurut Jagdeep, tanpa komitmen yang luar biasa daripada barisan hadapan, pelaksanaan PKP dengan tahap amalan serta disiplin tinggi adalah tidak mungkin boleh dicapai sebagaimana kini.

"Kita perlu tegas dalam memastikan pematuhan terhadap PKP untuk memerangi COVID-19 yang mana Pulau Pinang telah melihat suatu pencapaian sebanyak 99.49 peratus di MBPP, dan MBSP (99.32 peratus) serta hampir sebanyak 98 peratus oleh PDRM, daripada segi pematuhan kepada langkah-langkah pencegahan."

"(Kejayaan pelaksanaan PKP) ini, pencapaian yang tidak boleh kita (Pulau Pinang) capai tanpa titik peluh wira-wira (serta) wirawati-wirawati kita yang berjaya memainkan peranan di barisan hadapan dalam memastikan keselamatan kesihatan rakyat diutamakan," ujarnya.

Di samping itu, Jagdeep memberitahu bahawa pentadbiran Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow ketika PKP, telahpun menyalurkan sumbangan insentif khas RM300 secara *one-off* kepada seramai 10,511 wira hadapan di negeri ini.

Menerusi Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang dengan nilai keseluruhan RM75 juta, tambahnya, sebanyak RM1.4 juta disalurkan kepada barisan hadapan MBPP dan MBSP.

"(Sementara), RM3.3 juta (turut disalurkan untuk memperkasakan wira barisan hadapan agensi dan jabatan Kerajaan Persekutuan seperti JKN, anggota PDRM, ATM, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Jabatan Imigresen dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA))."

"Perang melawan COVID-19 ini masih belum berakhir, tetapi saya yakin kita akan menang secepat mungkin sekiranya semua pihak terus memberikan kerjasama kepada barisan hadapan, dengan menunjukkan disiplin yang tinggi ketika PKP ini," ulasnya.

103 keluarga Kampung Bagan Jermal terima sumbangan

Gambar : ALVIE CHENG

BAGAN JERMAL - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow meluangkan masa berkunjung ke Kampung Bagan Jermal untuk menyampaikan sumbangan bagi mengurangkan beban golongan kurang berkemampuan.

Sebanyak 103 keluarga dari kawasan terabit menerima sumbangan daripada Kerajaan Negeri berupa bekalan makanan serta barang keperluan asas seperti kurma, biskut, minyak, tepung gandum, pensanitasi tangan, pelitup muka dan sebagainya.

Difahamkan, penduduk di kawasan berkaitan terdiri daripada 101 keluarga Melayu dan dua keluarga berbangsa Tionghua.

Rata-rata penerima dilihat tersenyum gembira sebaik sahaja menerima bungkusan pek bekalan makanan asas daripada Kon Yeow di kediaman masing-masing.

"Terima kasih diucapkan kepada Ketua Menteri kerana sudi melawat penduduk di sini dan memberikan sumbangan yang mana ia sedikit-sebanyak dapat meringankan beban kami dalam menjalani ibadah puasa di bulan Ramadan ini," ujar salah seorang penerima ketika ditemui Buletin Mutiara di kediamannya dekat sini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal, Soon Lip Chee; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud; Ahli Majlis Bagi MBSP, Chong See Kheong; Pegawai Khas Ahli Parlimen Bagan, K.C. Tan dan pemimpin setempat.

Dalam pada itu, Rozali menzahirkan penghargaan kepada Ketua Menteri kerana sudi berkunjung ke kawasan Seberang Perai bagi mengagihkan sendiri sumbangan daripada Kerajaan Negeri kepada penerima yang layak.

"Saya amat berbangga kerana Y.A.B. Ketua Menteri sudi turun ke lokasi untuk melihat sendiri keadaan penduduk dan menyampaikan sumbangan.

"Oleh itu, saya nasihatkan (penduduk) supaya kekal di rumah dan menjaga keselamatan diri," serunya.



KETUA MENTERI sambil ditemani Soon Lip Chee (dua dari kanan) dan Sr. Rozali Mohamud (kiri sekali) menyampaikan sumbangan barang makanan kepada salah seorang penduduk Kampung Bagan Jermal di sini baru-baru ini.

Terdahulu, Kon Yeow mengadakan kunjungan ke Pasar Sri Bandar bagi meninjau keadaan pelaksanaan fasa ketiga Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sambil mengedarkan pelitup muka sebelum bergerak ke Kampung Sungai Nyior dekat Bagan Dalam untuk menyampaikan sumbangan kepada mereka yang

memerlukan.

Beliau kemudian meneruskan kunjungan ke Pasar Apollo dekat Jalan Raja Uda dan seterusnya mengakhiri sesi kunjungan dengan menyampaikan sumbangan kepada para pemandu teksi di Dewan Haji Ahmad Badawi.

Tabah sambut Ramadan, biasakan dengan normal baharu

BAGAN DALAM - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow diiringi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Dalam, M. Satees mengedar pek barang makanan keperluan asas kepada 65 keluarga di Kampung Sungai Nyior dekat sini.

Bercakap kepada pemberita, Satees berharap seluruh umat Islam tabah menyambut bulan Ramadan pada kali ini, iaitu membiasakan diri dengan normal atau kebiasaan kehidupan baharu ketika menjalani ibadah berpuasa tahun ini.

"Ramadan kali ini tidak akan ada lagi program pengimaran masjid, sembahyang tarawih, majlis berbuka puasa dan sahur untuk meraikan umat Islam menjalani ibadah berpuasa, kerana PKP (Perintah Kawalan Pergerakan) dilanjutkan sehingga 12 Mei (2020).

"Ini, bagi saya adalah 'new normal' yang kita terpaksa lalui bersama-sama tidak kira umat Islam mahupun bukan Islam, demi memutuskan semua rantai perebakan wabak COVID-19.

"Malah, Ramadan kali ini juga kita tidak boleh memberi sumbangan untuk majlis berbuka puasa, jadi dalam keadaan 'new normal' ini, kita agihkan bantuan khas Ramadan kepada 65 keluarga di Kampung Sungai Nyior yang kesemuanya adalah beragama Islam, demi mengurangkan beban mereka sepanjang tempoh pelaksanaan PKP ini.

"Saya harap umat Islam tabah menyambut Ramadan dengan menyesuaikan diri menerusi 'new normal' ini," jelasnya pada sesi turun padang berkaitan di sini pada 25 April 2020.

Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud; barisan Ahli Majlis bagi pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan dan K. C. Tan (Pembantu Khas Kepada Ahli Parlimen Bagan) turut serta majlis tersebut.

Sebelum itu, Kon Yeow turut bersama-sama Satees dan Rozali meninjau keadaan pelaksanaan fasa 3 PKP di Pasar Sri Bandar dan Pasar Apollo, sambil mengedarkan pelitup muka kepada para penjaja di kedua-dua pasar awam tersebut dekat Butterworth.



Bekerja dari rumah selepas PKP, salah satu pendekatan Osram

Oleh : SUNARTI YUSOFF

Gambar : ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI

GEORGE TOWN - Osram Opto Semiconductors (M) Sdn. Bhd. (Osram) berhasrat membenarkan sebahagian besar pekerjaannya untuk terus bekerja dari rumah sehingga bulan Jun atau Julai ini walaupun Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ditamatkan.

Pengarah Urusannya, Glen Brownlie memberitahu perkara itu kepada Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow semasa kunjungan beliau ke kilang berkenaan pada 21 April lalu.

“Hanya pekerja yang benar-benar diperlukan untuk menjalankan operasi sahaja akan berada di sini. Siapa sahaja yang boleh bekerja dari rumah maka mereka akan terus bekerja dari rumah kerana langkah itu dilihat lebih selamat.

“Kami juga mengambil langkah pencegahan yang ketat dengan mengamalkan jarak sosial selamat bagi memastikan keselamatan semua pekerja,” ujar Brownlie.

Turut serta dalam lawatan tersebut ialah Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato’ Abdul Halim Hussain; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang



KETUA MENTERI sambil ditemani Glen Brownlie (berkemeja biru) menyantuni para kakitangan syarikat berkaitan bersempena lawatannya ke Osram di sini baru-baru ini.

(MBPP), Dato’ Ar. Yew Tung Seang serta Ketua Polis Daerah (OCPD) Balik Pulau, Supritendan A.A.Anbalagan.

Selain Brownlie, ketibaan Kon Yeow sebelum itu turut disambut oleh Pengarah Projek Osram, Eric Ooi Kheng Jin; Pengurus Keselamatan, Zulkifli Omar dan Ketua Perkhidmatan Pekerja, Vasantha Krishnan.

Mengulas lanjut, Brownlie menjelaskan bahawa walaupun Kementerian Perdagangan

Antarabangsa dan Industri (MITI) menetapkan 50 peratus daripada jumlah pekerja yang dibenarkan bekerja, namun pihaknya hanya membenarkan antara 1,500 hingga 1,800 pekerja sahaja bekerja setiap hari di kilang dekat Kulim dan Pulau Pinang.

Tambah beliau, walaupun keadaan tersebut agak sukar tetapi pihaknya perlu menyeimbangkan antara mematuhi arahan PKP dan keperluan untuk terus menjalankan

operasi sebagai syarikat multinasional yang mempunyai bilangan pekerja sehingga 23,000 di seluruh dunia.

“Kami harus menjana pendapatan kerana kami perlu membayar gaji semua kakitangan. Kami tidak mahu melihat berlaku pengangguran secara besar-besaran seperti di Eropah serta beberapa negara lain di dunia.

“Kami juga menyambut baik langkah kerajaan Malaysia yang memberikan kepercayaan kepada kami untuk membuat lebih banyak keputusan sendiri.

“Justeru, kami juga bersedia untuk berkongsi atau membantu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) atau pembekal berhubung pelaksanaan langkah pencegahan terhadap jangkitan COVID-19,” ujarnya.

Dalam pada itu, Kon Yeow mengucapkan terima kasih kepada Brownlie kerana sudi memberikan taklimat mengenai operasi kilang dan rancangan masa depan Osram selepas meninjau beberapa kawasan kilang termasuk kafeteria serta bahagian pembuatan dan pengeluaran.

“Amalan kebersihan terbaik adalah sangat penting. Kami berpendapat bahawa majikan di sini menjaga pekerja dengan baik sama ada pekerja tempatan maupun pekerja asing, kerana virus ini mampu menyerang sesebuah sahaja,” ulasnya.

Sumbangan pemain industri sepakat lawan COVID-19

GEORGE TOWN – Enam pemain industri utama di negeri ini menunjukkan keprihatinan mereka dengan menyumbangkan pelbagai jenis peralatan perubatan bernilai RM1.5 juta kepada Hospital Pulau Pinang (HPP) dalam usaha merawat pesakit COVID-19.

Selain Keysight Technologies Malaysia Sdn. Bhd. (Keysight Technologies), turut menghulurkan sumbangan adalah Motorola Solution Malaysia Sdn. Bhd. (Motorola Solution), Inari Technology Sdn. Bhd. (Inari), Jabil Circuit Sdn. Bhd. (Jabil), Intel Technology Sdn. Bhd. (Intel) dan Micron Memory Malaysia Sdn. Bhd. (Micron Technology).

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) investPenang (iP), Dato’ Loo Lee Lian mengucapkan terima kasih atas sumbangan daripada syarikat-syarikat berkaitan kepada pasukan barisan hadapan yang memerlukan peralatan-peralatan kritis ketika ini.

“Saya amat gembira melihat pemain-pemain industri tampil memberikan sokongan kepada pasukan barisan hadapan dalam pertempuran melawan virus ini.

“Melalui usahasama oleh investPenang (iP) dan juga Cares Chamber of Commerce Amerika Malaysia (AMCHAM), banyak syarikat terus memberikan sumbangan berupa peralatan perlindungan diri (PPE) dan kelengkapan perubatan keluaran mereka.

“Mereka membantu melalui pelbagai cara seperti mendapatkan bekalan PPE serta membeli peralatan-peralatan yang sangat diperlukan pada masa ini.

“Terima kasih kepada semua pemain industri atas usaha murni ini,” katanya selepas majlis penyerahan sumbangan-sumbangan berkaitan dekat HPP di sini pada 17 April lalu.

Turut hadir, wakil-wakil dari enam syarikat berkaitan serta Pengarah HPP, Dr. Teo Gim Sian.

Dihadamkan, antara kelengkapan perubatan yang diterima oleh HPP termasuk pelitup muka, sarung tangan, pelindung muka, pakaian perlindungan peribadi, termometer, monitor pesakit, alat pengukur tekanan darah, sistem ultrabunyi, mesin dialisis darah, *reverse osmosis*, komputer riba serta pencetak.



LOO Lee Lian (duduk, dua dari kiri), Dr. Teo Gim Sian (duduk, dua dari kanan) merakam gambar kenangan bersama-sama wakil-wakil industri pada majlis penyerahan pelbagai sumbangan masing-masing kepada HPP di sini baru-baru ini.

PANDUAN KESELAMATAN MAKANAN: SEMASA PENYERAHAN MAKANAN

1 KEKALKAN JARAK 1 METER DARI PENERIMA

2 MEMAKAI PENUTUP MULUT DAN HIDUNG SEMASA PENYERAHAN

3 ELAKKAN BERSENTUHAN SEMASA PENYERAHAN MAKANAN

4 KERAP MENCUCI TANGAN DAN GUNAKAN SANITIZER SEBELUM DAN SELEPAS MENYERAHKAN MAKANAN



Pasca PKP: Kerajaan Negeri dan pemain industri pelancongan bincang pelan pemulihannya

Oleh : AINUL WARDAH SOHILLI

TANJUNG BUNGA - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow meneruskan siri lawatan ke sektor-sektor terjejas di negeri ini rentetan penularan wabak COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak 18 Mac 2020.

Kon Yeow bersama-sama Exco Pelancongan, Seni, Budaya dan Warisan, Yeoh Soon Hin tiba di salah sebuah hotel terkemuka bertaraf lima bintang, *Shangri-La's Rasa Sayang Resort and Spa* yang terletak di Batu Ferringhi bagi melihat secara dekat impak terhadap sektor terjejas dan mendengar pelan pemulihannya oleh pihak berkaitan apabila PKP ditamatkan kelak.

Turut mengiringi lawatan tersebut ialah wakil daripada *Shangri-La's Rasa Sayang Resort and Spa* iaitu Pengurus Besar, Elaine Yue-Wibisana; Pengarah Komunikasi, Suleiman Tunku Abdul Rahman; Pengarah Jualan Komersial, Sharul Madi; Pengarah Sumber Manusia (Barat Malaysia), JC Ramesh dan Pengurus Residen (*Shangri-La's Rasa Sayang Resort and Spa* dan *Golden Sands Resort*), Christoph Duker.

Menurut Kon Yeow, sektor-sektor yang terjejas seperti sektor pelancongan misalnya perlu mempunyai perancangan untuk masa hadapan.

"Langkah awal pemulihannya yang harus dilakukan adalah dengan memperkenalkan pakej-pakej insentif bagi menarik kemasukan pelancong ke Pulau Pinang.

"(Hal ini kerana), Pulau Pinang sentiasa menjadi pilihan pengunjung dan dengan adanya insentif tertentu ia secara tidak langsung dapat membantu lebih ramai orang memilih negeri ini sebagai destinasi pilihan," ujarnya yang akan mengadakan perbincangan lanjut dengan pihak-pihak berwajib berhubung insentif pelancongan pasca PKP.

Mengulas lanjut, Kon Yeow optimis dengan perancangan

awal pihak-pihak berkepentingan dalam sektor pelancongan yang dilihat dapat mengembalikan semula kerancakkan sektor tersebut di negeri ini.

"Sumbangan sektor pelancongan terhadap pembangunan negeri sangat memberangsangkan dan memandangkan kini sektor ini menghadapi cabaran getir, maka Kerajaan Negeri harus bekerjasama dengan pemain industri (pelancongan) bagi memulihkan semula sektor ini.

"Saya optimis dengan perancangan awal (pihak-pihak berkepentingan) bagi melihat semula (sektor) pelancongan ini khasnya pelancongan domestik sebagai permulaan.

"Kerajaan Negeri mesti membuktikan bahawa Pulau Pinang merupakan negeri selamat.

"(Dan) rakyat mesti yakin bahawa negeri ini selamat, segala kemudahan di hotel-hotel adalah selamat agar kita boleh mengambil langkah awal untuk menyambung semula operasi perhotelan di negeri ini.

"Dalam masa sama merancang untuk mengembalikan semula keadaan seperti sedia kala termasuk merancakkan kembali pelancongan antarabangsa dan MICE (Mesyuarat, Insentif, Persidangan dan Pameran)," jelasnya.

Dalam pada itu, Elaine ketika ditemui menzhirkkan penghargaan kepada Ketua Menteri kerana melapangkan masa hadir ke hotel berkenaan bagi memantau situasi semasa dan mendengar perkongsian daripada pihak hotel.

"Melalui lawatan sebegini banyak perkara yang boleh dikongsi kepada pihak Kerajaan Negeri berbanding bertemu dalam forum-forum besar.

"(Dan) ini adalah peluang terbaik untuk pihak kami berkongsi dengan lebih terperinci dan tertumpu," katanya yang berharap pihak kerajaan dapat memainkan peranan dalam membantu memulihkan semula industri pelancongan secara

keseluruhannya.

Tambah Elaine, sebagai permulaan pengusaha hotel dan pemain industri berkaitan perlu menyokong saranan Kerajaan Negeri dengan melaksanakan tatacara operasi standard (SOP) termasuk mematuhi tahap kebersihan yang tinggi dalam memastikan Pulau Pinang negeri selamat.

Sejurus lawatan, Kon Yeow dan Soon Hin mengadakan perbincangan tertutup bersama-sama wakil *Shangri-La's Rasa Sayang Resort and Spa*.

Antara yang dibangkitkan termasuk isu penggajian, subsidi, insentif daripada pihak kerajaan, caj perkhidmatan, pencukaian serta perancangan pasca PKP dan COVID-19.

Malah, Kerajaan Negeri juga bakal memulakan perbincangan bersama-sama agensi penerbangan bagi melihat insentif yang dapat dibangunkan secara bersama dalam mengembalikan semula kerancakkan sektor pelancongan di negeri ini.

Sementara itu, Buletin Mutiara sempat menemui Suleiman dan difahamkan bahawa *Shangri-La's Rasa Sayang Resort and Spa* mengambil inisiatif menyediakan kemudahan istirahat dan makanan kepada barisan hadapan.

Menurut Suleiman, pihak hotel terbabit telah memulakan inisiatif tersebut sejak pelaksanaan PKP Fasa 1.

"Pihak hotel telah memulakan inisiatif ini sejak Fasa 1 PKP lagi yang mana pihak kami menyediakan makanan untuk barisan hadapan.

"Bagi bulan Ramadan ini juga, pihak kami menyediakan makanan untuk sahur dan berbuka puasa selain kemudahan untuk mandi dan istirahat," ulasnya.

Sebagai rekod, pengurusan *Shangri-La's Rasa Sayang Resort and Spa* dan *Golden Sands Resort* setakat hari ini mempunyai 720 kakitangan dan tiada pemotongan gaji dilaksanakan oleh pihak pengurusan hotel berkenaan.

PKPB, Pulau Pinang laksana secara berperingkat mulai 8 Mei

GEORGE TOWN - Kerajaan Negeri Pulau Pinang memutuskan untuk melaksanakan arahan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) secara berperingkat mulai 8 Mei 2020.

Justeru, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menegaskan bahawa arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sedia ada masih lagi berkuat kuasa seperti biasa di negeri ini pada 4 Mei 2020.

Beliau berkata, keputusan itu dibuat adalah berpandukan arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan nasihat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) serta keputusan dipersetujui oleh ahli-ahli mesyuarat Jawatankuasa Khas Keselamatan Negeri (JKKN) yang berlangsung pada 3 Mei 2020.

"Kerajaan Negeri memutuskan untuk melaksanakan 'Strategi Pemulihannya Berperingkat Pulau Pinang' berlandaskan penyesuaian serta pengubahsuaian perlu bagi memastikan kesihatan dan keselamatan rakyat di negeri ini serta kelangsungan sektor ekonomi negeri terjamin."

"Dalam kata lain, hanya sektor yang dibenarkan beroperasi dan berkerja pada Fasa 1, 2 dan 3 PKP sahaja dibenarkan untuk meneruskan pergerakan masing-masing tanpa sebarang perubahan termasuk syarikat pengangkutan awam."

"Bagi sektor yang tidak tersenarai dalam PKP Fasa 1, 2 dan 3 pula, penguatkuasaan serta pengoperasian berdasarkan 'Strategi Pemulihannya Berperingkat Pulau Pinang' adalah bermula pada Jumaat iaitu 8 Mei 2020."

"Langkah ini adalah bagi membolehkan Kerajaan Negeri menyediakan garis panduan menyeluruh yang lebih tersusun khususnya pada aspek penguatkuasaan selain memberi ruang kepada pihak-pihak berkaitan untuk merancang pengoperasian serta pergerakan masing-masing

dalam tempoh empat hari ini.

"Ini termasuk penyediaan kelengkapan seperti pensanitasi tangan, penjarakan sosial, peraturan pemakaian pelitup muka dan sebagainya demi keselamatan bersama di premis-premis seliaan masing-masing," ujar Kon Yeow ketika ucapan siaran langsung menerusi laman *Facebook* peribadi beliau dekat sini pada 3 Mei lalu.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menjelaskan bahawa pelaksanaan 'Strategi Pemulihannya Berperingkat Pulau Pinang' adalah bermatlamat untuk mencegah kesesakan, membiasakan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) yang diperkenalkan MKN serta pembukaan dan pemulihannya sektor ekonomi secara berfasa.

"Oleh itu, pada 4 hingga 7 Mei diputuskan sebagai fasa persiapan (Fasa 1) yang mana semua sektor digalakkan menggunakan tempoh ini untuk merancang, menyediakan dan melaksanakan SOP bagi pelaksanaan di tempat masing-masing."

"Seterusnya, pada 8 hingga 12 Mei pula merupakan fasa pembiasaan (Fasa 2) iaitu sektor yang dibenarkan perlu melaksanakan SOP dengan tegas, dan fasa terakhir adalah bermula 13 Mei iaitu fasa pembukaan (Fasa 3) yang mana semua sektor dibenarkan beroperasi tetapi perlu mematuhi SOP dengan tegas," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong.

Dalam pada itu, beliau turut mengingatkan rakyat di negeri bahawa tempoh pelaksanaan PKP masih belum tamat sehingga 12 Mei ini.

"Justeru, semua aktiviti luar rumah selain pekerjaan yang dibenarkan adalah dilarang."

"Semua sektor hanya dibenarkan untuk beroperasi sepenuhnya dalam Fasa 3 (mulai 13 Mei) dan perlu mematuhi SOP dengan tegas," ulasnya lagi.

Strategi Pemulihannya Berperingkat Pulau Pinang akan dilaksanakan dalam TIGA (3) fasa merangkumi aktiviti-aktiviti Persiapan, Pembiasaan dan Pembukaan.

Fasa 1
Persiapan
4-7 Mei 2020

Semua sektor digalakkan untuk menggunakan tempoh ini untuk merancang, menyediakan dan melaksanakan SOP bagi pelaksanaan di tempat masing-masing.

Fasa 2
Pembiasaan
8-12 Mei 2020

Semua aktiviti yang lain tidak dibenarkan, kecuali dinyatakan dengan jelas dalam Jadual Strategi Pemulihannya Berperingkat.*

Fasa 3
Pembukaan
Mulai
13 Mei 2020

Semua sektor dibenarkan untuk beroperasi tetapi perlu mematuhi SOP dengan tegas.